

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014 (Isnin)

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah kerajaan tidak konsisten dalam memilih dan membuat tuduhan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 4 Akta Hasutan 1948 apabila melibatkan individu-individu yang mengeluarkan komen sensitif dalam laman web. Apakah penentuan seksyen diputuskan mengikut cita rasa pendakwa raya ataupun mempunyai motif politik tertentu terhadap tertuduh.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penentuan pertuduhan bagi kes yang melibatkan individu-individu yang mengeluarkan komen sensitif dalam laman web adalah berdasarkan kepada tajuk perkara serta keterangan dan fakta kejadian, dan bukan mengikut cita rasa Pendakwa Raya.

2. Keputusan tentang pertuduhan dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

3. Dalam menentukan suatu pertuduhan sama ada di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948, terdapat elemen-elemen tertentu yang perlu dipenuhi. Bagi pertuduhan di bawah seksyen 4 Akta Hasutan 1948, elemen "*seditious tendency*" sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 3 Akta Hasutan 1948 perlu dipenuhi. Bagi kes di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, elemen-elemen yang berikut perlu dipenuhi:

- (a) tertuduh telah memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan perkhidmatan aplikasi iaitu internet;
- (b) tertuduh secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komen yang jelik sifatnya; dan

(c) tertuduh mempunyai niat untuk menyakitkan hati orang lain.

4. Tindakan pendakwaan hanya akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta-Akta tersebut sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa pihak-pihak tersebut telah melakukan kesalahan berkenaan.

Sekian, terima kasih.